

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

- PERTANYAAN** : **Lisan**
- DARIPADA** : **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]**
- TARIKH** : **17 Mac 2014**
- SOALAN** : **Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan antara usaha Kementerian dalam membantu rakyat menangani kenaikan harga barang dengan memperluaskan lagi peranan FAMA dengan memperbanyakkan pasar tani di seluruh negara:
- (a) berapakah jumlah keseluruhan pasar tani di seluruh negara mengikut negeri-negeri; dan
 - (b) apakah kesan, impak serta penerimaan usaha FAMA melalui pembinaan pasar-pasar tani ini di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, sehingga 28 Februari 2014, FAMA telah membangunkan 526 buah pasar tani di seluruh negara dengan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

- i. Perlis – 35 buah
- ii. Kedah – 38 buah

| | | | |
|-------|---------------------|---|---------|
| iii. | Pulau Pinang | – | 10 buah |
| iv. | Perak | – | 26 buah |
| v. | Selangor | – | 68 buah |
| vi. | Negeri Sembilan | – | 28 buah |
| vii. | Melaka | – | 25 buah |
| viii. | Johor | – | 85 buah |
| ix. | Kelantan | – | 51 buah |
| x. | Pahang | – | 43 buah |
| xi. | Terengganu | – | 18 buah |
| xii. | Sabah | – | 35 buah |
| xiii. | Sarawak | – | 46 buah |
| xiv. | Wilayah Persekutuan | – | 18 buah |

Dengan pengwujudan pasar tani ini di seluruh negara, pengguna boleh mendapatkan bekalan keperluan harian terutamanya bagi komoditi hasil produk agromakanan yang segar dan berkualiti dengan mudah pada harga yang berpatutan dan juga pengeluar mendapat pulangan yang munasabah.

Rekod menunjukkan bahawa nilai jualan yang telah dicatatkan sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM668 juta dengan penglibatan seramai 23,554 orang peserta.

Bagi tahun 2014, sasaran bagi membangunkan Pasar Tani adalah sebanyak 60 buah pasar tani baru dan daripada jumlah ini sebanyak 9 buah pasar tani baru telah beroperasi. Sehingga bulan Februari 2014, bilangan Pasar Tani yang telah beroperasi adalah sebanyak 526 buah dengan nilai jualan sebanyak RM119 juta dengan penglibatan seramai 24,005 usahawan di seluruh negara.

Kesan/ Impak Kepada Petani/ Pengeluar/ Usahawan Tani:

Mengikut penemuan dalam Kajian Penilaian Outcome Program Pasar Tani yang telah dilaksanakan pada 9 - 28 Ogos 2011 melibatkan responden seramai 386 peserta di 14 lokasi pasar tani terpilih di seluruh negara, menunjukkan bahawa purata pendapatan kasar sebulan peserta pasar tani sebelum dan selepas

menyertai pasar tani menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, peratus peningkatan adalah berbeza mengikut komoditi yang dijual.

Purata pendapatan kasar sebulan yang paling tinggi adalah bagi peserta yang menjual ayam iaitu peningkatan sebanyak 417.23% @ RM6,179.25. Manakala purata pendapatan kasar yang paling rendah adalah peserta yang menjual ikan air tawar iaitu peningkatan sebanyak 92.49% @ RM3,172.97. Bagi semua komoditi hasil pertanian, jualan peserta di pasar tani menunjukkan peningkatan secara purata 184.65% @ RM3,593.21 sebulan. Ini menunjukkan program pasar tani telah berjaya meningkatkan pendapatan peserta.

Kesan/ Impak Kepada Pengguna:

Dalam usaha membantu kerajaan menangani kenaikan harga makanan yang sedang dihadapi oleh rakyat pada masa ini, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui FAMA telah melaksanakan Program Jimat Belanja Dapur di Pasar Tani dengan menawarkan penjimatan harga antara 5% hingga 20% bagi 32 komoditi terpilih di Pasar Tani seluruh Negara.

Perlaksanaan program ini dapat memberi pilihan kepada para pengguna untuk mendapatkan barangan daripada hasil produk agromakanan dengan harga yang berpatutan dan berkualiti.